

Pelantikan baharu dalam Kabinet peraga komitmen kerajaan bendung COVID-19

KUALA LUMPUR: Pelantikan baharu Kabinet disifatkan sebagai memaparkan komitmen penuh kerajaan untuk membendung pandemik COVID-19 selain memastikan ekonomi terus maju walaupun dalam kegoyahan ekonomi global, kata Pakar Ekonomi Juwai IQI, Shan Saeed.

Beliau berkata, jumlah eksport dan dagangan Malaysia masih kukuh.

"Pelantikan baharu ini akan mengikut strategi ekonomi yang sama untuk mempercepatkan proses vaksin dan menggalakkan lebih ramai rakyat menerima vaksin."

"Saya berpandangan, dengan kepentasan semasa dan ketibaan 12 juta dos vaksin pada bulan ini, kita menjangka 60 hingga 80 peratus daripada penduduk melengkapkan dos mereka menjelang akhir September."

"Ini adalah luar biasa dengan mengambil kira banyak negara terjejas termasuk Australia, Jepun, Vietnam dan India," katanya.

Jumlah dagangan Malaysia pada Mei 2021 berkembang sebanyak 48.7 peratus tahun ke tahun kepada RM170.9 bilion berikutan eksport dan import negara mengekalkan pertumbuhan dua angka yang kukuh, seperti yang dilaporkan Jabatan Perangkaan.

Eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 47.3 peratus, 50.3 peratus dan 48.7 peratus.

Shan berkata, Malaysia masih mempamerkan peranan baik dalam mengekalkan kestabilan makroekonomi meskipun berdepan pelbagai cabaran.

Juwai IQI mengekalkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar negara bagi 2021 antara tiga dan empat peratus, defisit belanjawan antara enam hingga tujuh peratus, manakala ringgit diunjur dalam jajaran 3.67 hingga 4.10 berbanding dolar AS.

"Secara keseluruhan, kami di Juwai IQI optimis, namun berhati-hati mengenai pertumbuhan ekonomi dan unjuran ke atas Malaysia."

"Ekonomi Malaysia memiliki daya tahan untuk melonjak semula berikutan tenaga buruh produktif, infrastruktur teknologi moden dan dasar ekonomi konsisten terhadap pelabur global dan tempatan," katanya.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Rabu mengumumkan pelantikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Timbalan Perdana Menteri dan kekal memegang portfolio Menteri Pertahanan, manakala Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dilantik sebagai Menteri Kanan yang mengetuai Kluster Keselamatan dan mengekalkan portfolio sebagai Menteri Luar.

Pelantikan itu berkuat kuasa serta-merta.

Sementara itu, Profesor Ekonomi Sunway University, Dr Yeah Kim Leng menyifatkan perkembangan politik sedemikian, meningkatkan keimbangan pelabur terhadap ekonomi.

"Bagaimanapun, selagi wujud fokus berterusan oleh pentadbiran negara, khususnya perkhidmatan awam dalam membendung pandemik, pembukaan semula perniagaan dan kilang serta mengekalkan ketenteraman dan kestabilan sosial, kesan buruk ke atas pasaran dan ekonomi adalah terhad," katanya.

Kim Leng berkata, kalangan pakar ekonomi menjangkakan perkembangan terkini itu akan mencetuskan sedikit gangguan terhadap fungsi ekonomi dan pasaran.

Prof Dr Jamal Othman dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula berkata, masyarakat dan ekonomi begitu terjejas dengan langkah berpanjangan dilaksanakan bagi memerangi COVID-19.

Sehubungan itu, beliau yakin semua pihak mengharapkan satu perubahan dasar, yang akan menyaksikan kerajaan mempercepatkan langkah vaksinasi COVID-19 dan melengkapkan negara dengan ekosistem yang sesuai sekiranya coranavirus menjadi endemik, tanpa mengira sesiapa pun menerajui kerajaan.

"Menutup ekonomi, mungkin bukan lagi satu pilihan," katanya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi perkongsian di Twitter pada Khamis berkata, Malaysia mencatatkan 8,868 kes baharu COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini mencecah 808,658. - BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/837491/pelantikan-baharu-dalam-kabinet-peraga-komitmen-kerajaan-bendung>